

Kuantan: Program Transformasi Minda dilancarkan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) dalam usaha melestarikan alam sekitar dan mewujudkan Malaysia yang bersih yang memfokuskan kepada pelajar.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Ab Rahim Md Noor berkata, hal itu kerana golongan terbabit bakal menjadi pemimpin yang mencorakkan negara pada masa depan.

Katanya, golongan terbabit perlu dibekalkan dengan pengetahuan supaya proses melestarikan alam sekitar dapat dilaksanakan dengan lancar pada masa depan.

"Sekarang pun kami sudah aktif menjalankan Program Transformasi Minda, kami guna pelbagai saluran seperti media sosial dan membabitkan artis seperti dilakukan menerusi ABPBH (Anugerah Bintang Popular BH).

"Cuma kami hendak lebih agresif di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) untuk laksanakan Program Transformasi Minda kerana mereka ini bakal menjadi pemimpin masa depan," katanya pada sidang media selepas majlis memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) antara PPSPPA dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) di sini, kelmarin.

Turut hadir Naib Canselor UMP Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Menerusi MoU berkenaan, PPSPPA dan UMP akan menjalinkan kerjasama untuk melaksanakan penyelidikan berkaitan pengurusan sisa pepejal supaya lebih berkesan dan bersepada.

Transformasi Minda fokus kepada pelajar

(HIL SETCIMPET) ms: 55 8/11/14 (SOBtu)



DR Daing (kiri) menyerahkan pertukaran memorandum persefahaman kepada Rahim.

Penyelidik daripada UMP akan membangunkan pangkalan data berkaitan komposisi dan ciri sisa pepejal di negeri ini yang difokuskan terhadap isi rumah, perindustrian serta komersial.

Mengulas lanjut, Ab Rahim berkata, antara Program Transformasi Minda dilaksanakan di peringkat IPT ialah Inisiatif Kampus Hijau yang bertujuan memberikan ga-

lakan dan sokongan dalam aspek perkongsian maklumat serta kepentingan penyelidik.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, UMP menyokong inisiatif digariskan menerusi Inisiatif Kampus Hijau dan yakin kerjasama dengan PPSPPA mampu memberikan manfaat kepada masyarakat terutama dalam aspek pengurusan sisa pepejal.